

## Apa Indonesia Kata Kepada Kita

Untuk mengetahui secara mana rakyat Indonesia diracun fikiran dan perasaannya terhadap Malaysia maka kita peturunkan di bawah ini beberapa rencana yang ditulis oleh harian-harian Indonesia dengan cara bukan sahaja liar tetapi bersifat melulu dan berkebinatangan dengan tidak mau mengerti langsung akan kebenaran dan hakikat-hakikat yang sebenar. Sebenarnya kita rasanya tidak tergamak menyalin kata-kata beberapa rencana itu tetapi bahawa mengetahui dan mengukur seterusnya betapa busuknya dan kejinya perjuangan Indonesia dan betapa rendahnya akhbar Indonesia, mustahak yang demikian itu diketahui oleh orang-orang kita di sini supaya kita dapat memikirkan bersama – P.

**Harian Bintang Timur, Harian *Communist* 19**

**September 1963 dalam rencana pengarangnya menulis**

**seperti ini:**

Tanggungjawab *Imperialist*

Serombongan anjing-anjing *imperialist* dengan dipelopori oleh tukang-tukang pukul yang bertelanjang dada telah menyerbu gudang-gudang Kedutaan Besar R.I. (Indonesia – P.) di Kuala Lumpur dan merosak lambang negara R.

I. Tengku Abdul Rahman sendiri, Perdana Menteri

Malaya, telah menginjak-injak lambang negara itu. Dan dengan

demikian si Tengku telah melakukan perbuatan paling

kurang ajar yang tidak ada tara dan contoh sebelumnya

dalam sejarah hubungan antara negara di dunia beradab.

Ini adalah kebusanan yang liar. Dan ini adalah provokasi yang tidak tahu malu.

Kemarin<sup>1</sup> kita telah mengingatkan dalam ruangan ini,

supaya kaum *imperialist*, terutama *imperialist*

Inggeris dan penyokongnya *imperialist* Amerika Syarikat

dan kakitangan mereka si Tengku, jangan membuat

tindakan-tindakan kurang ajar dan mengambil tindakan

semau-mau mereka yang dapat menimbulkan kemarahan rakyat

Indonesia.

Kalau rakyat menjadi marah, seperti yang terjadi

di Kedubes (Kedutaan Besar – P.) Inggeris di Jakarta

pada hari Senin, itu adalah reaksi spontan dari

rakyat yang marah akibat kekurangan ajaran dan

provokasi yang ditimbulkan oleh orang-orang Kedutaan

Besar Inggeris itu sendiri, seperti yang dapat

diketahui dari berita kejadian yang kita siarkan.

Dan pada Rabu siang, rakyat yang marah telah membakar banyak

mobil-mobil dan alat-alat ruangan dan kantor Kedutaan Besar

Inggeris di rumah-rumah Dubes (Duta Besar – P.) dan

staf Kedubes Inggeris di Jakarta. Itu pun adalah

kemarahan rakyat yang meluap akibat provokasi yang

ditimbulkan oleh kaum *imperialist* sendiri.

Bukankah kemarahan ini dipancing oleh perbuatan

kurang ajar dari si Tengku yang menginjak-injak lambang

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah kelmarin.

negara R.I. di Kuala Lumpur? Bukankah ini riaksi spontan dari rakyat Indonesia yang marah terhadap pengrosakan dan pembakaran yang dilakukan oleh gerombolan anjing-anjing *imperialist* terhadap gedung Kedutaan R.I. di Kuala Lumpur pada hari Selasa yang lalu?

Kejadian ini adalah tanggungjawab sepenuhnya dari *imperialist* Inggeris dengan pengikut mereka si Tengku dan rejimnya.

Sekian apa dia kata ke atas kita!

Tengku Angkuh

Harian Pelopor, surat khabar kiri (golongan *Communist* Pancasila) telah membuat berita dari penulisnya menyatakan peristiwa di Kuala Lumpur itu seperti di bawah ini:

Tengku Abdul Rahman Putra dijadikan projek *colonialist* “Malaysia” telah bersifat congkak dengan melakukan perbuatan yang melampaui kesopanan politik dan pergaulan dunia internasional.

Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu itu menginjak kakinya di atas lambang Republik Indonesia menyusul sebuah demonstrasi yang telah merosak gedung Kedutaan Besar R.I. di Kuala Lumpur pada hari Selasa.

Seterusnya – Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang dikerumuni oleh orang-orang yang berhiruk-pikuk itu telah menenangkan diri dan ditataplah lambang negara R.I. yang sudah dalam keadaan rosak itu.

Ia melepaskan kaca matanya dan tidak selang beberapa lama menginjakkan kakinya di atas lambang negara R.I. nangis tersedu-sedu. Para pengacau bersorak surai untuk menunjukkan penghargaan atas tindakan Tengku dan kemudian menjunjungnya dan mengangkat Tengku itu naik tengku.

Kemudian akhbar ini menuduh pula ke atas Polis Persekutuan dengan katanya:

Polis Persekutuan Tanah Melayu, yang biasanya terkenal “kepahlawanannya” bila menghadapi demonstrasi anti-Tengku. Ternyata selama pengacau-pengacau itu tinggal diam dan hanya mengitari gedung utama perwakilan di mana terdapat beberapa staf Kedutaan Republik Indonesia. Mereka baru “mengusir” para demonstrasi setelah pengacau-pengacau itu selama satu jam lebih berkesempatan untuk melakukan kekeleluasannya.

Menyamakan Malaysia dengan Israel

“Parti” (Parti Tarikat Islam) Indonesia ialah sebuah parti “Islam” yang diketuai oleh Tuan Haji Sirajuddin Abbas yang lebih dikenali oleh golongan Islam dengan gelaran “Abuya”. Semenjak dari zaman penjajahan adalah terkenal sebagai pertubuhan penjilat dan pengaruhnya sangat kecil. Kalau sudah di zaman penjajah jadi penjilat maka tentunya zaman merdeka lebih lagi apa lagi Parti Islam yang menentang Sukarno telah pun diharamkan di Indonesia. Jadi tinggallah perjuangan Islam di Indonesia diperjuangkan oleh parti-parti *mudhabdhib* yang mempunyai seribu helah untuk

menghalalkan barang yang haram. Mereka sentiasa melembutkan lidahnya asal ada muslihat sekalipun bersama-sama dengan *communist*.

Di dalam kenyataan terhadap Malaysia, Parti telah membandingkan Malaya dari segi pandangan kaca mata Indonesia seperti pandangan orang Arab atas Yahudi. Perhatikan seruannya di bawah ini yang menyeru umat Arab jangan mengiktiraf Malaysia.

Parti Islam “Parti” mendesak dunia Arab dan umat Islam di Timur Tengah supaya ikut aktif menggoncang apa yang dinamakan Federasi Malaysia, kerana lahirnya Malaysia sama lahirnya negara Israel di Timur Tengah. Bezanya: Israel ditujukan kepada rakyat Arab di Timur Tengah Malaysia ditujukan kepada bangsa Indonesia dan Filipina.

Selanjutnya kenyataan itu menyatakan bahawa umat Islam di mana pun mereka berada harus waspada terhadap mulut manusia berneka *imperialist* Inggeris Tengku Abdul Rahman, yang kadang-kadang mengemukakan motif agama Islam tetapi sebenarnya adalah penindas umat Islam.

Tatkala menyebut peristiwa Kuala Lumpur “Parti” menyatakan: “Menginjak-injak lambang Republik Indonesia oleh bandit-bandit Tengku Abdul Rahman adalah satu bukti yang nyata bahawa Malaysia itu harus diganyang sampai hancur. Membiarkannya hidup akan bererti terganggu tatakahidupan rakyat Indonesia yang suka damai itu.”

Patut diingat bahawa “Parti” itulah dahulu yang mengarak “patung” Tengku lalu membakarnya di khalayak ramai.

Peringatan: Begitulah sebahagian daripada kebusan dan serangan kebinatangan yang dilakukan terhadap kepada Malaysia oleh orang-orang Indonesia. Pembaca-pembaca dapat mengukur sendiri apa yang sebenarnya berlaku dan bagaimana ambilan mereka untuk membuat pesona dan fitnah terhadap rakyat Indonesia. Apakah kita mesti diam?



*Brigadier Muhamad Soleh Harb Pemimpin Umum Jam ‘iyyah al-Shabbān al-Muslimīn sedang memeluk Tuan Ahmad Walunto kerana memberi sambutan yang hangat semasa penganjur orang-orang Islam di Peleghin itu mengunjungi Mesir baharu-baharu ini.*

---

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah boneka.